Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa

Sektor kewangan memainkan peranan yang penting bagi menggalakkan pertumbuhan dan transformasi ekonomi ke arah struktur ekonomi yang lebih pelbagai. Hasrat ini menjadi teras utama Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK), iaitu pelan 10 tahun yang dilancarkan pada tahun 2001 untuk membangunkan sektor kewangan yang lebih berdaya tahan, berdaya saing dan dinamik dengan amalan terbaik yang menyokong dan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi. Dalam fasa pertama PISK usaha-usaha ditumpukan kepada meningkatkan kemampuan dan keupayaan institusi kewangan domestik bagi menghadapi suasana ekonomi dan kewangan yang sentiasa berubah dan lebih mencabar. Ini amat penting bagi memastikan institusi kewangan domestik menjadi lebih inovatif, berorientasikan teknologi dan lebih fokus dari segi strategi serta berupaya untuk bersaing secara berkesan dan cekap. Ini akan, memastikan ia terus relevan dan dapat memenuhi keperluan ekonomi yang sentiasa berubah.

Dengan sektor perkhidmatan kewangan yang kian bertambah kompleks dan lebih berdaya saing, institusi kewangan perlu melakukan pengubahsuaian untuk menjadi lebih produktif dan inovatif dalam memenuhi permintaan yang lebih tinggi oleh perniagaan dan individu dan mengekalkan daya saing mereka . Oleh yang demikian, kualiti sumber manusia dan kemampuan kepimpinan dalam sektor kewangan menjadi bertambah penting bagi menentukan kejayaan institusi kewangan ini. Pada masa ini, keperluan latihan untuk pengurusan pertengahan dan kakitangan bagi institusi kewangan telah disediakan oleh institusi pendidikan seperti Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dan *Malaysian Insurance Institute* (MII). Bagi melengkapi institusi ini, adalah amat perlu untuk diwujudkan saluran bagi membolehkan para pemimpin dan pengurusan kanan institusi kewangan menjalani latihan secara berterusan, khususnya dalam pengurusan strategik dan kepimpinan, sekali gus mengemudi hala tuju strategik institusi mereka dan menjadikan institusi tersebut sebagai organisasi yang cemerlang. Dalam hal ini, kemahiran kepimpinan memerlukan pembelajaran yang berterusan dalam menghadapi persekitaran yang sentiasa berubah. Ini termasuk mewujudkan budaya mencapai prestasi tinggi dalam organisasi untuk membawa institusi ke arah kecemerlangan dan menyumbang ke arah pertumbuhan jangka panjang institusi dan sektor kewangan secara keseluruhan. Pemimpin perlu berupaya mengenal pasti dan mengambil kesempatan daripada peluang-peluang baru supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dan memaksimumkan peluang yang timbul daripada persekitaran yang sentiasa berubah. Motivasi inilah yang mendorong pembangunan infrastruktur latihan pada peringkat tinggi untuk pengurusan atasan organisasi. Ini bagi melahirkan sekelompok pengurusan atasan yang berkualiti tinggi dalam sektor kewangan dan korporat.

Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dengan matlamat menyediakan pendekatan yang fokus dan terancang untuk melahirkan pemimpin yang bertaraf dunia dalam sektor kewangan dan perniagaan di Malaysia dan di rantau ini. ICLIF secara rasminya dilancarkan pada 28 Oktober 2003 dan ditubuhkan sebagai sebuah syarikat tanggungan terhad menurut jaminan dengan peruntukan dana sebanyak RM500 juta (AS$132 juta). Pendapatan yang dihasilkan daripada dana ini akan digunakan untuk membiayai operasi ICLIF. Penubuhan ICLIF merupakan salah satu daripada sumbangan Bank Negara Malaysia dalam menyediakan saluran untuk pihak pengurusan atasan institusi kewangan dan korporat bagi meneruskan pembelajaran sambil berpeluang menjalin rangkaian hubungan dan bertukar-tukar pengalaman serta mampu membentuk hubungan alumni yang mantap. Sehubungan itu, ICLIF diberi mandat untuk membentuk kecemerlangan pemimpin yang berwawasan serantau dengan menyediakan peluang pembelajaran dan pengalaman melalui program pembangunan yang berkesan. ICLIF juga berusaha memenuhi keperluan institusi kewangan di rantau ini dan seterusnya, melengkapkan usaha mempromosikan Malaysia sebagai pusat latihan kecemerlangan serantau bagi sektor perkhidmatan kewangan.

Bagi mencapai matlamat mempercepatkan pembangunan modal intelek dan keupayaan pengurusan kanan institusi kewangan dan korporat, ICLIF menguna pakai pendekatan pelbagai disiplin dengan menawarkan program dalam pengurusan strategik dan program yang relevan yang meliputi keseluruhan industri perkhidmatan kewangan termasuk industri perbankan, insurans dan kewangan Islam. ICLIF berhasrat mengambil pendekatan yang proaktif dengan mengenal pasti keperluan industri yang akan

digunakan sebagai input untuk merangka programnya. Program ICLIF terbahagi kepada tiga kategori utama:

- Program pengurusan eksekutif yang terancang dalam bidang pengurusan strategik, pengurusan pelanggan dan pemasaran, pengurusan sumber manusia, pengurusan teknologi perniagaan dan pengetahuan serta pengurusan risiko;
- Menganjurkan seminar dan bengkel tentang isu-isu semasa di samping menyediakan platform bagi pihak pengurusan atasan industri kewangan dan korporat, pengawalselia dan ahli-ahli akademik untuk berbincang mengenai isu-isu ekonomi dan kewangan semasa; dan
- Program khusus dalam perkhidmatan kewangan Islam dan bidang kepakaran lain.

Satu ciri ICLIF yang ketara adalah hubungan strategiknya dengan institusi pengajian perniagaan antarabangsa. Ini membolehkan ICLIF menyediakan program yang sesuai dalam konteks serantau dan dapat memenuhi keperluan industri kewangan dan korporat. Dengan perkongsian strategik ini juga, ICLIF serta beberapa buah institusi pengajian perniagaan antarabangsa telah bersetuju merangka dan memulakan program pengurusan eksekutif yang berstruktur di ICLIF. Dalam hal ini, rakan kongsi strategik menyediakan tenaga pengajar, sementara ICLIF menyediakan insfrastruktur dan kemudahan yang perlu. Pendekatan ini akan membolehkan peserta mengikuti program pengurusan yang berkualiti tinggi dengan kos yang berpatutan. Ini memberi peluang yang lebih besar kepada pemimpin dalam sektor kewangan dan korporat mendapat manfaat daripada perkongsian pengetahuan dan rangkaian hubungan yang bertaraf antarabangsa.

Bagi mencapai objektif tersebut, ICLIF merangka satu model kompetensi kepimpinan yang unik bagi menganalisis dan memahami syarat yang diperlukan untuk melahirkan pemimpin korporat yang cemerlang dalam konteks serantau. Segala kemahiran dan kebolehan ini digunakan sebagai asas dalam merangka kursus dan program latihan kepimpinan untuk ICLIF. Antara program-program yang telah diatur adalah Program Pembangunan Kepimpinan Global (GLDP), yang merupakan program terulung ICLIF. GLDP adalah satu program latihan eksekutif yang unggul dan diselia oleh fakulti yang terdiri daripada pakar runding dan para ilmuan institusi pendidikan utama. Ini membolehkan ICLIF menggabungkan idea dan pendapat terbaik dalam berbagai isu dan masalah kepimpinan. Antara institusi dan pakar runding yang terlibat adalah Peter F. Drucker Graduate School of Management-Claremont Graduate University, Marshall School of Business University of Southern California, Stanford Graduate School of Business dan Towers Perrins. GLDP memberi penekanan yang khusus dalam melahirkan pemimpin yang berkaliber dalam industri kewangan dan korporat dengan menggabungkan penggunaan teori dan praktikal dalam membentuk teknik-teknik kepimpinan. Program ini juga berperanan memberi peluang kepada peserta untuk memperluaskan hubungan kerja dan berkongsi pendapat serta berbincang dengan pemimpin organisasi lain. GLDP akan diadakan dua kali setahun dan terbahagi kepada tiga bahagian, dengan bahagian I dan II diadakan di Malaysia manakala bahagian III merangkumi program khusus selama dua minggu di institusi-institusi pengajian dan organisasi korporat yang terbaik di Amerika Syarikat. GLDP yang pertama telah diadakan pada 9 hingga 13 Februari 2004, dan telah dihadiri oleh 20 pegawai pengurusan atasan daripada institusi kewangan dan korporat dari Malaysia dan rantau ini.

ICLIF diuruskan oleh Lembaga Pengarah tersendiri yang dipengerusikan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia. ICLIF juga menerima tunjuk arah daripada Majlis Penasihat yang terdiri daripada individu-individu yang berkarisma, terkemuka dan dikenali dari dalam dan luar negara. Ini bertujuan untuk menyediakan hala tuju yang strategik dalam merangka program latihan yang berkualiti, dan mengkaji keperluan latihan sektor perkhidmatan kewangan dan korporat di rantau ini bagi memenuhi objektif ICLIF.

Penubuhan ICLIF bertujuan menekankan bahawa pelaburan dalam sumber manusia, terutamanya dalam melahirkan kecemerlangan kepimpinan, adalah proses yang berterusan dalam persekitaran yang dinamik. ICLIF akan menumpukan perhatian khusus dalam memberikan sumbangan positif bagi melahirkan pemimpin yang cemerlang, dan seterusnya menjadi sebuah pusat kepimpinan yang cemerlang dalam bidang kewangan di rantau ini.